



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَبَاتُ خَالِ الْإِسْلَامِ نِغَرِي سَابَا

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

06 ZULHIJAH 1446H/ 03 JUN 2025M

HARI ARAFAH – IBRAH UNTUK BERMUHASABAH

Disediakan oleh:

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

Khutbah pertama

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَلْتَنْظُرْ نَفْسٌ مَّا قَدَّمَتْ لِغَدٍ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١٨﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٢﴾

JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Pada kesempatan ini khatib ingin menyeru diri sendiri dan kepada para hadirin sekalian agar sentiasa berusaha meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT. Tunaikanlah segala suruhan-Nya dan tinggalkanlah segala larangan-Nya. Seruan kepada kita semua juga, agar bersama-sama memastikan Jumaat ini adalah Jumaat yang terbaik dalam mempersembahkan amal ibadah kepada Allah SWT. Mimbar pada hari ini ingin menyampaikan khutbah yang bertajuk **“Hari Arafah- Ibrah Untuk Bermuhasabah”**.

Allah SWT berfirman dalam Surah Al-Hashr, ayat 18:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَلْتَنْظُرْ نَفْسٌ مَّا قَدَّمَتْ لِغَدٍ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا

تَعْمَلُونَ ﴿١٨﴾

Maksudnya: *“Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah (dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya); dan hendaklah tiap-tiap diri melihat dan memerhatikan apa yang ia telah sediakan (dari amal-amalnya) untuk hari esok (hari akhirat). Dan (sekali lagi diingatkan): Bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Amat Meliputi Pengetahuan-Nya akan segala yang kamu kerjakan.”*

SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH,

Hari Arafah merupakan antara hari yang paling agung dalam Islam. Ia bukan sekadar hari utama dalam ibadah haji, tetapi juga hari untuk bermuhasabah bagi seluruh umat Islam. Pada hari ini, para jemaah haji akan berhimpun di Padang Arafah untuk memohon ampun dan menyatakan penyerahan sepenuhnya kepada Allah SWT. Dalam hal ini, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: *“Tidak ada satu hari yang lebih banyak dibebaskan hamba-Nya daripada api neraka melainkan pada Hari Arafah”*. [Riwayat Muslim: 2402]

SIDANG JEMAAH JUMAAT YANG DIREDHAI ALLAH,

Tiga perkara penting yang ingin disampaikan pada hari ini terkait dengan ibrah pada Hari Arafah adalah seperti berikut:-

Pertama: Arafah Sebagai Hari Muhasabah.

Kepayahan yang dilalui dan kesabaran dalam menunaikan Ibadah Haji akan lebih teruji apabila semua berhimpun di Hari Arafah. Pada 1400 tahun hijrah terdahulu, Nabi SAW pernah menyampaikan khutbah terakhir

yang intipatinya menyentuh soal kemanusiaan, keadilan dan kesatuan umat.

Maka dengan itu, Hari Arafah mengajar kita untuk menilai semula kehidupan duniawi. Apakah kita telah melaksanakan amanah sebagai hamba dan khalifah Allah? Solat yang diwajibkan ke atas kita, adakah kita menjaganya? Amanah kerja, hubungan sesama manusia, dan tanggungjawab terhadap masyarakat, sejauh manakah kita mengamalkannya? Tepuklah dada dan tanyakan pada diri kita semua.

Dewasa ini, dalam suasana keadaan dunia yang penuh cabaran moral, rasuah, fitnah, dan ketidakadilan, Hari Arafah membawa satu ibrah besar yang harus kita ambil peduli. Kita perlu kembali kepada nilai takwa, kejujuran dan integriti dalam setiap aspek kehidupan, sama ada kita sebagai pekerja, peniaga, pemimpin ataupun ahli keluarga.

JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI,

Ibrah Kedua: Peluang Mendekatkan Diri dan Membaiki Hubungan.

Hari Arafah juga adalah hari untuk memperbaiki hubungan kita dengan Allah SWT dan sesama manusia. Antara cara terbaik mendekatkan diri dan menjaga hubungan ini adalah dengan memperbanyakkan doa kepada Allah SWT. Kerana Allah SWT sangat dekat dengan kita apabila kita berdoa kepada-Nya. Dan pada Hari Arafah ini juga, saranan berdoa ini pernah dianjurkan oleh Baginda Nabi SAW dalam sabda-Nya yang **bermaksud**: *“Sebaik-baik doa adalah doa pada Hari Arafah.”* (Riwayat at-Tirmizi – Hadith Hasan: 3585)

Oleh itu, ambillah peluang ini untuk kita perbanyakkan berdoa bukan sahaja untuk diri sendiri, tetapi juga untuk ahli keluarga, jiran tetangga, masyarakat dan umat Islam seluruhnya. Hal ini kerana, mendoakan orang lain juga akan mendekatkan diri kita dalam bersikap kasih sayang sesama manusia dan memperbaiki hubungan sesama saudara kita.

SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI,

Perkara ketiga yang menjadi Ibrah hari Arafah adalah:

Arafah dan Nilai Integriti Diri

Dalam kehidupan hari ini, oleh kerana mengejar kehidupan dunia, ramai dalam kalangan kita yang terjebak dalam penipuan, ketirisan, pengkhianatan amanah – baik di tempat kerja, rumah tangga atau institusi masyarakat. Maka dengan itu, Hari Arafah seharusnya menyedarkan kita semua bahawa kita akan dipertanggungjawabkan di hadapan Allah SWT kelak.

Firman Allah SWT dalam surah as-Saffat ayat 24,

وَقِفُّهُمْ إِنَّهُمْ مَسْئُولُونَ ﴿٢٤﴾

Maksudnya: *"Dan tahanlah mereka (yakni di tempat perhentian), kerana sesungguhnya mereka akan disoal:"*

Begitulah hakikat yang kita semua akan hadapi suatu ketika nanti. Perhimpunan di hari Arafah juga merupakan gambaran awal perhimpunan kita di Padang Mahsyar kelak. Yang membezakan, di Mahsyar nanti kita akan dihisab dan diperhitungkan setiap perkara yang telah kita lakukan semasa di dunia ini.

Menyimpul khutbah minggu ini, Hari Arafah adalah satu hari yang istimewa sebagaimana bulan Zulhijjah yang mempunyai keistimewaannya tersendiri. Sebagai umat Islam kita harus merebut peluang dan kesempatan ini agar tidak termasuk dalam kalangan orang-orang yang rugi. Marilah bersama kita berusaha menjadikan Hari Arafah sebagai titik permulaan untuk berubah daripada yang tidak baik kepada perkara yang baik seterusnya daripada peringkat yang baik ke peringkat yang lebih baik. Allah SWT berfirman dalam surah al-Baqarah, ayat 199:

ثُمَّ أَفِيضُوا مِنْ حَيْثُ أَفَاضَ النَّاسُ وَاسْتَغْفِرُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿١٩٩﴾

Maksudnya: “Selain dari itu hendaklah kamu bertolak turun dari (Arafah) tempat bertolaknya orang ramai, dan beristighfarlah kamu kepada Allah (dengan memohon ampun), sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا كَبَاوَه دُولِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قَادُوكْ بَكِينْدَا يَغْ دَفَرْتَوَانْ أَكُوغْ وَكَذَلِكَ عَلَى فَخَامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانْ يَغْ تَرَاوْتَامْ يَغْ دَفَرْتَوَانْ نَكْرِي سَابَه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَءُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, selamatkanlah saudara kami yang dizalimi di bumi barakah Palestin, kasihani dan limpahkanlah Rahmat-Mu ke atas mereka.

Ya Allah! Naungilah kehidupan, negeri dan juga negara kami. Hiasilah diri kami dengan sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat yang keji. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan,

mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَا تَكْفُرُوا بِاللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA:

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Hubungi [088-522127/](tel:088-522127) jheains.penerbitan@gmail.com untuk sebarang pertanyaan/ maklumat lanjut.